

25 NOV 1997

Sulaiman-Makanan

KEMENTERIAN BEKERJASAMA MENANGANI KENAIKAN HARGA MAKANAN

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertanian akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna dalam menangani sebarang kenaikan harga barangan makanan.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud berkata, sebarang kenaikan harga barangan makanan akan hanya dilakukan setelah kepentingan pengguna diambil kira dan di teliti dengan terperinci.

"Sebelum kita menimbangkan sebarang keputusan untuk menaikkan harga sesuatu barangan, kita juga harus memikirkan kesan yang harus ditanggung oleh pengguna selaras dengan gesaan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam yang mahu kepentingan pengguna didahulukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-24 perwakilan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di sini.

Sehubungan itu, permintaan petani dan sebilangan wakil-wakil rakyat untuk menaikkan harga padi harus dikaji dengan teliti bagi tidak membebankan pengguna.

Dr Sulaiman juga mahukan lebih banyak pihak swasta tampil ke hadapan berganding bahu dengan kerajaan dalam mengeluarkan bahan-bahan makanan selaras dengan dasar mahu mengurangkan import makanan.

Beliau juga mengulas mengenai sesetengah pihak yang tidak puas hati terhadap fungsi Kementerian itu dalam menangani import makanan yang menjangkau sehingga RM9 billion setahun.

Segala perancangan oleh semua agensi di bawah Kementerian itu bagi menghasilkan makanan adalah berupa rancangan jangka panjang, katanya.

"Kita tidak boleh lihat perancangan untuk menghasilkan makanan dalam masa satu malam," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Sulaiman berkata beliau ingin melihat perluasan projek-projek tanaman sayur-sayuran, rempah ratus, buah-buahan, ternakan dan projek pemprosesan makanan dilaksanakan secepat mungkin bagi mengurangkan import makanan negara.

Berhubung cadangan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) supaya Kementerian itu menukar namanya kepada Kementerian Makanan dan Pertanian, Sulaiman berkata cadangan itu ada meritnya tetapi keputusan adalah terletak di tangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MHI PR